

Headline	Pertanian tak terkawal punca hakisan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Nov 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Page No	6
ArticleSize	342 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 35,367		



BANJIR LUMPUR BERULANG DI CAMERON HIGHLANDS

Pertanian tak terkawal punca hakisan

» *Bahan buangan dicampak ke sungai*

► Cameron Highlands

Aktiviti pertanian tidak terkawal di sepanjang rizab sungai di kawasan tanah tinggi di sini, dikenal pasti antara punca utama berlaku banjir kilat di daerah ini setiap kali hujan lebat.

Aktiviti berkenaan mengakibatkan hakisan tebing sungai hingga berlaku mendapan dalam sungai, manakala plastik yang digunakan sebagai bumbung 'rumah pertanian' akan dibuang ke dalam sungai apabila lusuh atau rosak sehingga mewujudkan sampah sarap terkumpul.

Mendapan sampah sarap

Kegiatan itu turut mengakibatkan mendapan dan sampah sarap terkumpul di dasar Tasik Ringlelet yang menjadi sumber Empangan Sultan Abu Bakar (SAB), bertambah buruk dari 350,000 meter padu se-

tahun sebelum ini kepada 750,000 meter padu sekarang.

Sehubungan itu, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, mencadangkan satu usaha penyelesaian secara jangka panjang dilakukan membabitkan semua agensi kerajaan berkaitan bagi menangani masalah berkenaan termasuk menubuhkan satu jawatankuasa kerja khusus mengenainya.

Masalah berulang

Timbalan Menteri, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata jika masalah itu tidak diselesaikan, sudah pasti setiap kali hujan lebat penduduk di daerah itu akan berdepan masalah banjir kilat dan mungkin lebih buruk lagi pada masa akan datang.

"Sebagai contoh, selepas insiden hujan lebat petang Rabu lalu, Tenaga Nasional Berhad (TNB) menggunakan perkhid-

matan lima penyelam bagi membuang sampah di dalam Sungai Bertam," katanya pada sidang media selepas melakukan lawatan di Empangan SAB dan melawat kawasan Lembah Bertam di sini semalam.

Mengikut peraturan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), kelebaran sungai melebihi 40 meter, kawasan sepanjang 50 meter tebing sungai harus dikosongkan sebagai zon penampakan; 20 hingga 40 meter (40 meter); 10 hingga 20 meter (20 meter); 5 hingga 10 meter (10 meter) dan kurang 5 meter (5 meter).

Mahdzir berkata, isu berkenaan ada dibangkitkan TNB dalam beberapa siri mesyuarat peringkat daerah, bagaimanapun, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) itu tidak mempunyai kuasa untuk menghalang aktiviti berkenaan.

Beliau berkata, jika ada usaha untuk menangani masalah

itu, TNB bersedia menggunakan sebahagian daripada peruntukan RM40 juta yang digunakan bagi membuang sampah dan mendapan di Tasik Ringlelet, untuk tujuan itu

Mahdzir berkata, TNB bersedia menanggung kos pembinaan baru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SRJKC) Bertam Valley jika pengurusan sekolah itu bersedia berpindah ke lokasi baharu berdekatan yang lebih selamat.

“*Jika masalah itu tidak diselesaikan, setiap kali hujan lebat penduduk akan berdepan masalah banjir kilat”***”**

Mahdzir Khalid,
Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Headline	Pertanian tak terkawal punca hakisan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Nov 2014	Language	Malay
Circulation	314,000	Readership	942,000
Section	Nasional	Page No	6
ArticleSize	342 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 35,367		



Tinjauan dari udara **kawasan tanah runtuh** di kawasan rizab Sungai Bertam Ringlet, Cameron Highlands.

[FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH]